

### Anugerah Media UPM Iktiraf Sumbangan Media



Penerima-penerima anugerah bergambar bersama Datuk Naib Canselor (tengah).

**KUALA LUMPUR, 16 Nov** – Universiti Putra Malaysia (UPM) mengorak langkah mengiktiraf sumbangan media massa tempatan dengan menganjurkan Anugerah Media UPM 2008 / 2009 sempena majlis ‘UPM Bersama Media’ di Sheraton Imperial di sini.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah dalam ucapan perasmianya berkata majlis yang dianjurkan oleh Bahagian Komunikasi Korporat Pejabat Naib Canselor dan pelajar tahun satu dan dua Bacelor Komunikasi Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM bertujuan menghargai sumbangan media massa meningkatkan imej, identiti dan reputasi UPM.

“Bahan media yang terpilih menerima anugerah ini ialah bahan media yang memaparkan aktiviti yang menaikkan imej dan jenama UPM, memberi impak, publisiti tinggi dan kesan positif terhadap universiti ini dalam bidang pendidikan, penyelidikan (R&D) dan perkhidmatan untuk kemajuan masyarakat dan negara.

“Keunikan konsep pertandingan media yang dianjurkan oleh UPM ialah pihak media tidak perlu mencalonkan artikel mereka, sebaliknya UPM mempunyai rekod kesemua artikel mengenai UPM yang tersiar di media cetak dan media elektronik,” katanya pada pada anugerah yang masuk tahun kedua sejak kali pertama diperkenalkan pada tahun lalu.



Sebahagian tetamu jemputan yang hadir pada Majlis Bersama Media UPM 2009.

Beliau berharap Anugerah Media UPM dan majlis UPM Bersama Media dapat merapatkan hubungan antara UPM dan pihak media untuk mempromosikan kepakaran universiti sebagai bahan rujuk media mengenai isu semasa, selain memberi pendedahan praktikal perhubungan awam dan perhubungan media kepada pelajar Bacelor Komunikasi UPM yang terlibat sama menganjurkan majlis itu.

Pada majlis itu, akhbar Utusan Malaysia menerima 6 anugerah (4 kategori individu dan 2 kategori organisasi) melalui Thomas Chong Kayung (Berita Terbaik), Mohd Nazrul Azim Sharuddin (Rencana Terbaik), Laupa Junus (Colour Story Terbaik) Mohd Nazrul Azim Sharuddin (Penulis Rencana Produktif), Liputan Media Tertinggi dan Liputan Media Bahasa Melayu Tertinggi.

Sementara akhbar Berita Harian turut memenangi 3 anugerah (2 kategori individu dan 1 kategori organisasi) melalui Saifullizan Tamadi (Foto Terbaik), Basir Zahrom (Penulis Berita Produktif) dan Liputan Artikel Penyelidikan Tertinggi melalui ruangan Pendidikan.

Akhbar The Star dan Sin Chew Daily, masing-masing memenangi Liputan Media Bahasa Inggeris Tertinggi serta Liputan Media Bahasa Mandarin Tertinggi, diikuti akhbar Kosmo memenangi Artikel Mahasiswa Terbaik menerusi Mohd. Martin Abdul Kahar.

TV1 RTM pula memenangi Liputan Berita TV Tertinggi sementara wartawan Buletin Utama TV3, Jaffry Azman Dahalan menerima anugerah Wartawan Harapan melalui liputan bersirinya mengenai penyelidikan saintifik UPM di Kota Marudu, Sabah dan Matang, Perak.

Kesemua pemenang individu menerima wang tunai RM1,000, sijil, trofi dan tiket menunggang kuda percuma selama 10 jam di Unit Ekuin, Taman Pertanian UPM daripada Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah.

Panel tujuh juri terdiri daripada pensyarah UPM yang pakar dalam bidang media terdiri daripada Prof Dr. Sidek Ab. Aziz, Prof. Madya Dr. Azahari Ismail, Prof. Madya Dr. Abdul Mua'ti@Zamri Ahmad, Prof. Madya Dr. Siti Zobidah Omar, Dr. Sarjit Singh Darshan Singh, Syed Agil Al-Sagoff dan Saiful Nujaimi Abd. Rahman telah menilai sebanyak 1,320 artikel mengenai UPM di dalam media cetak yang tersiar sepanjang Julai 2008 hingga Ogos 2009, sementara bagi kategori organisasi dinilai melalui data pemantauan agensi MediaBanc (M) Sdn. Bhd.

Seramai 150 wakil media telah menyaksikan majlis penganugerahan dan persembahan oleh penyanyi Jamal Abdillah dan pengacara Salleh Yaacob.





Salih Yaacob (kiri) dan Jamal Abdillah (kanan).

Majlis turut dihadiri oleh Pengarang Kumpulan Berita Harian, Datuk Mior Kamarul Shahid; komposer tanah air, Dato' Wah Idris; Pengarang Berita Utusan Malaysia, Rozaman Ismail dan Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris.



Tetamu yang hadir memeriahkan majlis.

KEPUTUSAN RASMI  
ANUGERAH MEDIA UPM 2008/2009  
MAJLIS UPM BERSAMA MEDIA 2009  
16 November, Sheraton Imperial Kuala Lumpur

---

ANUGERAH INDIVIDU

BERITA TERBAIK  
'AMERIKA SYARIKAT TERIMA PATEN ENZIM DARI UPM', 3 Sep 2009  
Thomas Chong Kayung, Utusan Malaysia,  
(RM1,000, sijil, trofi & tiket Pusat Ekuin)

RENCANA TERBAIK  
'BAKAT BARU BIDANG REKA', 14 Mei 2009  
Mohd Nazrul Azim Sharuddin, Utusan Malaysia  
(RM1,000, sijil, trofi & tiket Pusat Ekuin)

FOTO TERBAIK  
'MAHASISWA 1MALAYSIA', 20 Julai 2009  
Saifullizan Tamadi, Berita Harian  
(RM1,000, sijil, trofi & tiket Pusat Ekuin)

ARTIKEL MAHASISWA TERBAIK

'PELAJAR UPM BELAJAR NIAGA DI PASAR TANI', 2 Mac 2009  
Mohd Martin Abdul Kahar, Kosmo!,  
(RM1,000, sijil, trofi & tiket Pusat Ekuin)

COLOUR STORY TERBAIK  
'PAKAR PERTANIAN UPM TURUN PADANG DEKATI MASYARAKAT', 17 Julai 2009  
Laupa Junus, Utusan Malaysia,  
(RM1,000, sijil, trofi & tiket Pusat Ekuin)

PENULIS BERITA PRODUKTIF  
Basir Zahrom, Berita Harian  
(RM1,000, sijil, trofi & tiket Pusat Ekuin)

PENULIS RENCANA PRODUKTIF  
Mohd Nazrul Azim Sharuddin, Utusan Malaysia  
(RM1,000, sijil, trofi & tiket Pusat Ekuin)

WARTAWAN HARAPAN  
Jaffry Azman Dahalan, TV3  
(RM1,000, sijil, trofi & tiket Pusat Ekuin)

PERSONALITI MEDIA UPM  
Dr. Sarjit Singh Darshan Singh  
Ketua Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan  
Fakulti Ekologi Manusia, UPM  
(Sijil, trofi & tiket Pusat Ekuin)

ANUGERAH ORGANISASI  
LIPUTAN MEDIA TERTINGGI (Trofi dan Sijil)  
Utusan Malaysia

LIPUTAN MEDIA BAHASA MELAYU TERTINGGI  
Utusan Malaysia

LIPUTAN BERITA TV TERTINGGI (TROFI DAN SIJIL)  
TV1, RTM

LIPUTAN MEDIA BAHASA INGGERIS TERTINGGI (TROFI DAN SIJIL)  
The Star

LIPUTAN MEDIA BAHASA MANDARIN TERTINGGI (TROFI DAN SIJIL)  
Sin Chew Daily

LIPUTAN ARTIKEL PENYELIDIKAN TERTINGGI  
Berita Harian

**Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Publisiti dan Penerbitan UPM.**